



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN PTPK MENGENAI ARTIKEL BERTAJUK “WHY HAS THE SKILLS DEVELOPMENT FUND CORP SCRAPPED STUDENT TRAVELLING & LAPTOP ALLOWANCE?” DALAM BERITA ATAS TALIAN *FOCUS MALAYSIA*

1. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) adalah merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Sumber Manusia yang memainkan peranan penting sebagai penyedia dana latihan kemahiran untuk menyokong pembangunan bakat tersedia masa hadapan. Mulai tahun 2021, PTPK telah memperluas skop pinjaman latihan kemahiran di mana pinjaman yang diberikan bukan sahaja meliputi yuran latihan, bayaran takaful, kos sara hidup tetapi juga ditambah dengan kemudahan pinjaman komputer sehingga RM2,500 dan elaun pengangkutan sebanyak RM2,000. Pemberian kemudahan pinjaman komputer dan elaun pengangkutan ini diberikan secara sekali sahaja (*one-off*) mengikut permohonan pinjaman.
2. Seperti mana semua sedia maklum, pemberian pinjaman latihan kemahiran bagi elaun pengangkutan dan elaun komputer diperkenalkan untuk menarik minat pelajar lepasan sekolah untuk menyertai TVET.
3. Kelulusan permohonan pinjaman dibuat berdasarkan konsep ***first come first serve basis*** tertakluk kepada ketersediaan dana latihan kemahiran.
4. Pada tahun ini, jumlah permohonan pinjaman latihan kemahiran meningkat dan menghampiri siling peruntukan yang telah diluluskan. Situasi ini boleh menyebabkan permohonan pinjaman dibekukan sehingga penghujung tahun.

5. Sehingga 31 Julai 2023, penggunaan dana latihan kemahiran yang diperuntukkan untuk kemudahan pinjaman komputer dan elaun pengangkutan **telah mencapai paras yang optimum.**
6. Namun begitu, PTPK masih menawarkan kemudahan pinjaman latihan kemahiran yang akan membiayai yuran latihan, bayaran takaful dan elaun sara hidup pelatih.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
7 OGOS 2023**